



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 5 TAHUN 2020**

**PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN
PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) :
BAHAGIAN PENGURUSAN WANG UNIVERSITI**

Pejabat Bendahari

10 Jun 2020

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 10 (5)

10 Jun 2020

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 5/2020

PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) : BAHAGIAN PENGURUSAN WANG UNIVERSITI

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Pindaan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) : Bahagian Pengurusan Wang Universiti.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5/2019 berkaitan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 3/2019 pada 11 Julai 2019 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2019 pada 15 Ogos 2019.
- 2.2 Terdapat 2 (dua) peraturan pindaan yang dikeluarkan oleh agensi pusat dan 1 (satu) peraturan yang ditambah baik oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) iaitu seperti berikut :
 - 2.2.1 Pada 12 November 2019, Pejabat Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah mengeluarkan surat pemakluman berkaitan pelaksanaan kadar baharu Elaun Perjalanan Kenderaan (EPK) melalui Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4 dan WP 1.5 serta pindaan WP 1.4 dan WP 1.5 telah dikeluarkan pada 1 Januari 2020;

- 2.2.2 Pada 1 Januari 2020, Kementerian Kewangan Malaysia juga telah mengeluarkan peraturan kewangan melalui Pekeliling Perbendaharaan di bawah WP 8.2 berkaitan Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi Dan Sukan Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Serta Kumpulan Pengurusan Dan Profesional; dan
- 2.2.3 Universiti telah menambah baik peraturan berkaitan pemberian sugu hati kepada ahli jawatankuasa pelaksana program setelah penutupan Tabung Amanah Program di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- 2.3 Peraturan di para 2.2 di atas telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2020 pada 14 Februari 2020 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2020 pada 25 Februari 2020.
- 2.4 Sehubungan dengan perkara di atas, PKPU telah dipinda seperti di para 3.0.

3.0 PEMAKAIAN

- 3.1 Pindaan di bawah Bahagian Pengurusan Wang Universiti adalah seperti berikut :

3.1.1 BAB C : PENGURUSAN AKAUN AMANAH

Para 9.0 - Pemberian Sugu Hati Kepada Ahli Jawatankuasa Pelaksana Program Setelah Penutupan Tabung Amanah Program

3.1.2 BAB F : PEMBAYARAN

Para 2.0 - ELAUN DAN BAYARAN PEGAWAI UNIVERSITI

- Pindaan di Lampiran 2.2(i) Elaun Perjalanan Kenderaan

Para 10.1 - Peraturan Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi Dan Sukan Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Serta Kumpulan Pengurusan & Profesional

- 3.2 Peraturan Bab C Para 9.0 dan Bab F Para 10.1 adalah berkuat kuasa mulai **25 Februari 2020**.
- 3.3 Peraturan Bab F Para 2.0 (Lampiran 2.2 (i) Elaun Perjalanan Kenderaan (EPK)) adalah berkuat kuasa pada **1 Mac 2020**.
- 3.4 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari di menu Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti.

Sekian, harap maklum.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

RA/UGP/SPK Pindaan PKPU2